NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

**Jil. 63** **14hb Mac 2019** **No. 6**

**No. 289.**

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PENGGUNAAN ASID TARTARIK DALAM INDUSTRI MAKANAN HALAL

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal dan memutuskan seperti yang berikut:

i. asid tartarik yang menggunakan *wine-less* adalah haram kerana –

a) ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak; dan

b) *istihalah* yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan *wine-less* tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.

ii. asid tartarik yang bukan berasal daripada *wine-less* adalah dibenarkan.

Bertarikh 20 Disember 2018
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 325/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti*
*State Government of Penang*

*ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM*
*(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004*

*FATWA* UNDER SECTION 48

*In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [Enactment 2], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the Fatwa Committee for the State of Penang, makes the fatwa as set out in the Schedule.*

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI PENGGUNAAN ASID TARTARIK DALAM INDUSTRI MAKANAN HALAL*

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2017 telah membincangkan mengenai isu Penggunaan Asid Tartarik Dalam Industri Makanan Halal dan memutuskan seperti yang berikut:*

*i. asid tartarik yang menggunakan wine-less adalah haram kerana –*

*a) ia terhasil daripada proses pemeraman arak yang telah sempurna dan bukannya sebelum menjadi arak; dan*

*b) istihalah yang berlaku secara semulajadi daripada arak adalah dibenarkan tetapi proses nyah alkohol secara penyulingan wine-less tidak berlaku secara semulajadi dan tidak dibenarkan.*

*ii. asid tartarik yang bukan berasal daripada wine-less adalah dibenarkan.*

*Made 20 December 2018*
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti*
*State Government of Penang*

اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام
(نݢري ڤولاو ڤينڠ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

ڤد منجالنكن كواس يڠ دبريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن ڤنتدبيرن اݢام اسلام (نݢري ڤولاو ڤينڠ) [اينكمن 2]، اتس ڤركنن يڠ دڤرتوان اݢوڠ، جاوتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ، ممبوات فتوى يڠ دڤاتاكن دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڠناءي ڤڠڬوناءن اسيد ترتاريق دالم ايندستري ماكنن حلال

مشوارت جاواتنكواس فتوى نݢري ڤولاو ڤينڠ بيلاڠن 2017/5 تله ممبنچڠكن مڠناءي ايسو ڤڠڬوناءن اسيد تارتاريق دالم ايندستري ماكنن حلال دان مموتوسكن سڤرتي يڠ بريكوت:

i. اسيد تارتاريق يڠ مڠڬوناكن *wine less* اداله حرام كران -

*(a)* اي ترحصيل درڤد ڤروسيس ڤمرمن ارق يڠ تله سمڤورنا دان بوكنڽ سبلوم منجادي ارق؛ دان

*(b)* استحاله يڠ برلاكو سچارا سمولاجادي درڤد ارق اداله دبنركن تتاڤي ڤروسيس ڤه الكوهول سچارا ڤيوليڠن تيدق برلاكو سچارا سمولاجادي دان تيدق دبنركن.

ii. اسيد تارتاريق يڠ بوكن براصل *wine less* اداله دبنركن.

دبوات 20 ديسيمبر 2018
[JMNPP/(S)/19/1101/002 (33); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld.5]

داتوء سري دكتور وان سالم بن وان محمد نور
*مفتي*
*كراجاءن نݢري ڤولاو ڤينڠ*